

TAFSIR AL-QUR'AN BI AL-MA'THUR : SATU ANALISA TERHADAP TAFSIR AL-QUR'AN BI AL-QUR'AN DAN TAFSIR AL-QUR'AN BI AL-HADITH

oleh
Zulkifli Hj.Mohd.Yusoff

Abstract

This article tries to look into the concept of the Tafsir al-Qur'an bi al-Ma'thur. The discussion is made from it's two perspective. The first analyses the Tafsir al-Qur'an bi al-Quran which is a part of Tafsir bi al-Ma'thur based on the classical clasification. The second is about the second sources of the Tafsir bi al-Ma'thur, i.e. Tafsir al-Qur'an bi al-Hadith.

Pendahuluan.

Sebarang perbincangan mengenai Tafsir al-Qur'an tidak akan sempurna tanpa merujukkan isi perbincangan kepada sumber tafsir itu sendiri. Sumber-sumber tafsir amat banyak, tetapi ia mungkin dapat disimpulkan dalam tiga noktah berikut:

1. Sumber berdasarkan al-Ma'thur
2. Sumber berdasarkan al-'Arabiyyah
3. Sumber berdasarkan istinbat dan aqli

Kertas ini hanya akan menyentuh sumber tafsir yang berdasarkan al-Ma'thur. Dimana menurut kelaziman pembahagian klasik, antara lain ia terbahagi kepada Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an dan Tafsir al-Qur'an bi al-Hadith.

Analisis Tentang Tafsir al-Quran bi al-Quran.

Telah menjadi suatu kelaziman pada pandangan kebanyakan penulis dalam bidang al-Qur'an, menyenaraikan Tafsir al-Quran bi al-Quran sebagai tahap paling tinggi dalam kategori tafsir al-Quran bi al-Ma'thur.¹

¹ Lihat sebagai contoh tulisan al-Zarqani dan al-Sabuni dalam topik ini. Al-Zarqani, Muhammad Abd.al-Azim al-Zarqani, *Manahil al-'Irfan fi 'Ulum al-Qur'an*, jld.2, (Kaherah, Dar Ihya al-Kutub

Pada pendapat saya, memasukkan Tafsir al-Quran dalam senarai Tafsir al-Quran bi al-Ma'thur adalah satu pendapat yang agak keterlaluan dan kurang praktikal. Saya beranggapan begitu kerana, yang dimaksudkan dengan al-Ma'thur ialah al-Marwi (sesuatu yang diriwayatkan). Sedang al-Marwi lazimnya adalah merujuk kepada al-Hadith al-Nabawi, Aqwal al-Sahabat, Aqwal al-Tabien dan Aqwal orang-orang selepas mereka.

Begitulah juga al-Marwi itu secara umumnya bolehlah dirujukkan sama kepada tafsir bi al-Naql² walaubagaimana sekalipun sumbernya, baik sumbernya bersifat Israiliyat³ atau al-Sirah⁴ mahupun ijтиhad al-Fuqaha⁵ dan bentuk-bentuk yang seumpama dengannya. Dengan lain-lain pengertian, selagi terdapat unsur-unsur pengambilan berdasarkan al-Riwayat dan al-Riwayat itupun disandarkan pula kepada al-Riwayat yang lain, maka ia boleh dianggap sebagai Tafsir bi al-Naql.

Dari itu saya sekali lagi beranggapan, amat tidak sesuai membuat klasifikasi Tafsir al-Quran bi al-Quran termasuk dalam kategori Tafsir bi al-Ma'thur. Pada hemat saya, yang paling elok sekali ialah kita mengasingkannya dan memberi imej baru yang selayak dengannya iaitu dengan menjadikannya independence dan mempunyai disiplin yang tersendiri (Qaimun li nafsih)

Kalau kita masih beranggapan bahawa ia boleh dikategorikan dalam senarai Tafsir bi al-Ma'thur semata-mata dengan asas rujukan yang merujuk kepada sumber pengambilan iaitu al-Riwayat, maka kita seolah-olah mendedahkan topik ini kepada satu perangkap yang besar iaitu disiplin al-Jarh wa al-Ta'dil. Ini kerana setiap al-Riwayat akan melalui proses penilaian dari sudut al-Jarh wa al-Ta'dil terlebih dahulu sebelum disahkan kesahihannya.

Husn al-Zan Terhadap Tafsir Al-Qur'an bi al-Qur'an.

Saya berpendapat kebanyakan penulis-penulis dalam bidang ini bersikap Husn al-Zan terhadap tafsir al-Quran bi al-Quran ini lalu mereka membataskan perbincangannya dan terus mengambil sikap mudah dan jalan keluar yang mungkin selamat pada pandangan mereka iaitu dengan memasukkannya dalam senarai Tafsir bi al-Ma'thur. Mereka mengambil jalan keluar ini semata-mata

al-'Arabiyyah (t.t) , hlm 12-13.Muhammad 'Ali al-Sabuni, *al-Tibyan fi 'Uluma al-Qur'an*, (Beirut, 'Alam al-Kutub, 1985), hlm 67.

² Saya maksudkan di sini bukan al-Naql lawan kepada al-'Aql, tetapi naqlan 'an naqlin.

³ Bukankah ia naqlan dari sumber-sumber Ahl al-Kitab?

⁴ Bukankah ia dipetik dari al-Riwayat?

⁵ Tidakkah pendapat-pendapat mereka itu dipindahkan-pindahkan dari satu jenerasi ke satu jenerasi.

melihat kepada sudut format kedatangannya yang berdasarkan al-Riwayat.Ini pada pandangan saya tidaklah begitu tepat.

Tafsir al-Quran bi al-Quran sepatutnya tidak dilihat kepada al-Riwayat. Sekiranya kita melihat semata-mata kepada format kedatangannya pada asas riwayat, nescaya akan sama pula kedudukannya Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an dan Tafsir al-Qur'an bi al-Hadith. Bukankah begitu?.


Tafsir al-Quran bi al-Quran - secara mutlak - merupakan Masdar paling atas dalam senarai tafsir al-Quran al-Karim. Ini kerana huraian Sahib al-Kalam terhadap kalam-Nya sudah tentu lebih daqiq dan lebih menepati kebenaran jika hendak dibandingkan dengan ulasan-ulasan orang lain terhadapnya. Allah swt menyebut bahawa Dia telah menurunkan kitab-Nya itu dalam Bahasa Arab.Bahkan Dia mensifatkannya pula sebagai Bahasa Arab yang terang (Arabiyyun Mubin).Firman-Nya:

وَهَذَا الْسَّانُ عَرِفٌ مُّبِينٌ ...


“Dan ini (al-Quran) pertuturan Bahasa Arab yang terang..”

(al-Nahl:103).

Setelah itu Dia sendiri telah berjanji untuk memberi penjelasan terhadapnya.Firman-Nya:

لَا تُحْزِنْكِ يَهُدِّي لِسَانَكَ لِتَعْجِلَ بِهِ ۖ وَإِنَّ عَلَيْنَا جَمِيعَهُ، وَقُرْآنَهُ ۚ وَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَأَنْتَ فِي
قُرْآنَهُ ۖ شَمِيمٌ إِنَّ عَلَيْنَا بِإِيمَانِهِ ۚ


“Janganlah kamu gerakkan lidahmu untuk (membaca al-Quran)
kerana hendak cepat-cepat (menguasai)nya.Sesungguhnya atas
tanggungan Kamilah yang mengumpulkannya (di dadamu) dan
(membuatmu pandai) membacanya. Apabila Kami telah selesai
membacakanmu maka ikutilah bacaannya itu.Kemudian,
sesungguhnya atas tanggungan Kamilah penjelasannya”

(al-Qiyamah: 16-19)

Sekalipun ahli-ahli tafsir sepakat mengatakan Tafsir al-Quran bi al-Quran merupakan kemuncak paling tinggi dalam senarai Tafsir al-Quran, tetapi mereka masih belum menemui hasil sebenar yang boleh dibanggakan. Usaha mereka untuk mengambil istifadah yang sebaik-baik mungkin sebagaimana diharap-harapkan masih belum terserlah. Bahan kita dapat tafsir mereka terhadap al-Quran yang mengambil metod Tafsir al-Quran bi al-Quran amat berkurangan sekali.Boleh jadi tanggapan seperti ini timbul akibat daripada salah tanggapan

mereka terhadap Tafsir al-Qur'an bi al-Quran dengan menyangka bahawa terlalu amat sedikit sekali nisbah yang memungkinkan ditafsirkan al-Quran dengan al-Quran.

Tafsir Ibn Kathir⁶ - yang bersifat membuat talkhis kepada Tafsir al-Tabari⁷ dalam sesetengah keadaan - merupakan tafsir yang terbaik untuk dipilih sebagai contoh mewakili warna Tafsir al-Quran bi al-Quran. Ia merupakan antara pilihan yang agak baik dari segi mengambil berat bentuk Tafsir al-Quran bi al-Quran. Namun begitu ia tidaklah menyeluruh. Ini kerana tafsirnya itu tidaklah mencakupi kecuali sejumlah kecil sahaja dari bentuk Tafsir al-Quran bi al-Quran.

Pada masa yang sama, manhaj Ibn Kathir - dalam Tafsir al-Quran bi al-Quran - tidak begitu jelas kerana beliau lebih cenderung kepada menghimpun ayat-ayat yang mempunyai persamaan dari sudut sebahagian makna ayat semata-mata. Dengan lain-lain pengertian, beliau meninggalkan dari segi pengamatan terhadap bentuk-bentuk ayat yang datang dalam bentuk yang berlainan yang sudah tentu mempunyai keistimewaan tersendiri - mengapa Tuhan merubah bentuknya-sekalipun bersatu pada juzuk-juzuk tertentu dari segi makna.

Antara orang-orang terkemudian yang cuba mengambil pendekatan Ibn Kathir atau lebih tepat kalau dikatakan pendekatan Tafsir al-Quran bi al-Quran ialah al-Syanqiti, Abdul Karim Khatib dan al-Farahi.

Al-Syanqiti mengemukakan pendekatannya itu menerusi tafsirnya yang berjodol "Adwa' al-Bayan fi Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an". Tinggal lagi tafsirnya itu masih belum melengkapi ciri-ciri Tafsir al-Quran bi al-Quran sepenuhnya kerana tidak mencakupi ayat-ayat al-Quran secara menyeluruh. Sesiapa yang membaca tafsirnya itu, akan mendapati beliau terlalu mengambil bahagian yang cukup luas dalam perbincangan mengenai al-Ahkam al-Fiqhiyyah, diskusi persoalan-persoalan Lughah, Ulum al-Hadith, Usul al-Fiqh dan beberapa persoalan-persoalan Tarjih al-Aqwal.⁸

Abdul Karim Khatib menamakan tafsirnya "Tafsir al-Quran bi al-Quran". Namun namanya tidak sepadan dengan mutu yang diusahakan oleh penulisnya. Bahkan ia tidak begitu layak untuk disenaraikan dalam kategori Tafsir

⁶ Lihat Ibn Kathir, Ismail Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1987)

⁷ Lihat al-Tabari, Muhammad Ibn Jarir, *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*, (Beirut, Dar al-Fikr, 1988)

⁸ Farhat, Ahmad Hasan Farhat (Dr), Temubual penulis kertas kerja dengan beliau bertarikh 23hb. Februari 1992 di University of Jordan, Amman, Jordan.

al-Quran bi al-Quran.Tafsirnya lebih bersifat perbahasan Insyai mengandungi nilai-nilai Adabi dan Nukat Bayaniyah.⁹

Al-Farahi menamakan tafsirnya "Tafsir Nizam al-Quran wa Ta'wil al-Furqan bi Ay al-Furqan". Beliau benar-benar cemerlang dalam bidang ini dan kelihatan cuba menguasainya.Tetapi beliau meninggal dunia sebelum sempat mencapai cita-citanya itu.Jadi buah fikiran beliau yang tertinggal di atas cebisan-cebisan nota, nota-nota hujung, nota-nota kaki tafsir atau artikelnya dihimpun dan diusahakan kembali oleh murid-muridnya dan cuba dibukukan dalam buku-buku kecil yang berasingan.¹⁰

Dari sudut yang lain, al-Farahi masih belum dapat menandingi Imam Ibn Taymiyah.Sekalipun kedua-duanya sama-sama belum sempat menyiapkan tafsir masing-masing, tetapi agak jelas kelihatan Ibn Taymiyah masih terkehadapan dalam memberikan contoh-contoh Tafsir al-Quran bi al-Quran.¹¹

Seperti yang telah dimaklumi, bahawa Ibn Taymiyah tidak berkesempatan menyiapkan tafsirnya itu.Tetapi melalui pengkajian terhadap beberapa surah dan ayat-ayat yang sempat ditafsirkan olehnya, kelihatan jelas sekali pengarangnya amat mengambil berat bentuk Tafsir al-Quran bi al-Quran.{ 3 jilid dari Majmuk Fatawa Ibn Taymiyah adalah koleksi tafsirnya. Tiga jilid lagi diusahakan pengumpulannya oleh al-Jutainid lalu diberi nama Daqaiq al-Tafsir. Dr.Abdul Rahman Umayrah membuat tahqiq mengenai tafsir ini dan mencetaknya dalam 7 jilid dengan Juzuk awal sebahagian besarnya dikhususkan kepada pengantar kepada Usul Tafsir¹². Dr. Adnan Zarzur pula telah terlebih dahulu membuat tahqiq terhadap Usul Tafsir ini dan mencetaknya dalam satu jilid kecil lalu diberi nama Muqaddimah fi Usul al-Tafsir.¹³

Tafsir Ibn Taymiyah wajar diberi tempat yang baik dalam memenuhi kriteria sebagai Tafsir al-Quran bi al-Quran.Ia memiliki keistimewaan dari sudut keupayaan pengarangnya membawa datang sejumlah ayat al-Quran, menghimpun pendapat-pendapat ahli tafsir, memberi komentar dari sudut Bahasa Arab dan uslubnya kerana ia merupakan bahasa diturunkan al-Quran.

⁹ *Ibid.*

¹⁰ Lihat sebagai contoh tafsir beliau pada surah al-Lahab. Abd.al-Hamid al-Farahi (al-Mu'allim), *Tafsir Surah al-Lahab*, (India: Matba'ah Ma'rif A'azam Krah. (t.t)

¹¹ Lihat Ibn Taymiyah, Ahmad Ibn Abd. al-Halim, Tahqiq Abd.al-Rahman 'Umayrah (Dr), *al-Tafsir al-Kabir*, (Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah 1988).

¹² *Ibid*, jld 1, hlm 87-314.

¹³ Lihat Ibn Taymiyah , *Muqaddimah fi Usul al-Tafsir*, Tahqiq Adnan Zarzur (Dr), (Beirut: Dar al-Qur'an al-Karim, 1971)

Boleh Jadi al-Farahi mempelajari ciri-ciri ini dari Tafsir Ibn Taymiyah. Lantas beliau bertemu dengan ruang-ruang ijtihad yang tidak pernah ditemui oleh orang-orang lain termasuk Ibn Taymiyah sendiri. Ia berkemungkinan juga kerana ayat dan surah yang mereka berdua tafsirkan itu amat jarang yang sama. Sukar sekali membuat pertimbangan yang tepat mengenai mereka berdua. Hanya jarak masa sahaja yang boleh menjadi sedikit bukti bahawa al-Farahi banyak mengambil faedah dari Ibn Taymiyah.

Berbalik kepada Ibn Taymiyah, sekalipun beliau tidak menafsirkan al-Quran semua sekali, tetapi tafsirnya telah cukup untuk diambil iktibar sebagai Tafsir al-Quran secara menyeluruh dan isi al-Quran secara keseluruhannya telahpun berjaya disampaikan oleh beliau. Mengapa? Jawabannya ialah kerana metod Tafsir al-Quran bi al-Quran yang diambil oleh beliau itu tadi.

Saya tinggalkan dulu di sini perbincangan mengenai topik ini. Secara kesimpulannya boleh dikatakan bahawa Tafsir al-Quran bi al-Quran masih terbuka dan boleh berlaku hingga kehari ini. Lebih berkesan lagi kalau dengan bantuan teknologi komputer.

Perkembangan Tafsir al-Quran bi al-Hadith

Menurut susunan disiplin pengajian klasik Tafsir al-Qur'an bi al-Hadith merupakan sumber yang kedua bagi Tafsir bi al-Ma'thur. Dimana perbincangan mengenainya tidaklah melibatkan perbezaan antara al-Hadith dan al-Sunnah. Dengan lain-lain pengertian al-Hadith di sini mencakupi sama al-Sunnah.

Bagaimana para al-Mufassirun memulakan step Tafsir al-Qur'an menerusi bentuk ini? Ia boleh dikatakan bermula dengan mereka mula menghimpun riwayat-riwayat yang diriwayatkan daripada Nabi saw. Riwayat-riwayat itu pula melalui beberapa marhalah.

1. Marhalah pertama : makna-makna tafsir menjadi juz min al-Hadith. Ia masih belum dikenali sebagai pengajian Tafsir al-Qur'an bi al-Hadith secara tersendiri.
2. Marhalah kedua : mereka menjadikannya bab fi al-Tafsir. Para al-Muhaddithun mula menyusun bab-bab khas mengenai Ahadith yang berkaitan dengan al-Tafsir di dalam kitab-kitab Ahadith mereka. Waktu itu mereka jadikan di bawahnya riwayat-riwayat al-Tafsir mengikut Nusus Ahadith.
3. Kemudian para ahli tafsir - sebelum al-Tabari - mula menghimpunkan riwayat-riwayat tadi dan menjadikannya sebagai kitab tafsir mengikut tertib al-Mushaf. Contohnya ialah Tafsir Ibn Abi Hatim dan Tafsir al-Sudiy.

4. Marhalah keempat memaparkan peranan al-Imam Ibn Jarir al-Tabari - Syaikh al-Mufassirin. Beliau berusaha menghimpunkan riwayat-riwayat tadi di dalam bukunya yang khas, disusun secara bersistematis dan diberi nama *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*.¹⁴

Tafsir al-Tabari boleh dikatakan mencakupi sebahagian besar buku-buku tafsir orang-orang sebelumnya yang ditulis berdasarkan Asanid. Dimana kalau terdapat inisiatif mungkin kita boleh mengulang tulis kitab-kitab tafsir orang-orang sebelumnya secara berasingan menerusi kitab tafsirnya.¹⁵

5. Marhalah kelima ialah marhalah percampuran antara al-Riwayat yang benar dengan yang batil, yang sahih dengan yang daif. Hinggakan terlalu sukar untuk membezakan antara sumber pengambilan yang sahih dengan yang tidak sahih, kecuali dengan diketahui sanad-sanad itu.

Marhalah ini bermula dengan kecenderungan penulisan yang tidak lagi berdasarkan al-Riwayat, sebaliknya mereka membuat ulasan langsung terhadap ayat dengan disusuli oleh maksud Ahadith atau sandaran kepada Rasulullah saw tanpa apa-apa sanad.

6. Marhalah selanjutnya memaparkan peranan Imam Ibn Kathir. Metodnya boleh dikatakan hampir sama dengan pendekatan Imam Ibn Jarir al-Tabari. Apa yang agak berbeza ialah dari sudut ikhtisar dan *tahqiq al-Riwayat*.

Imam al-Tabari menyebut al-Riwayat bersekali dengan Asanid. Dia tidak menjelaskan mutu riwayat kecuali sesekali sahaja. Kita bersikap Husn al-Zan terhadapnya dengan anggapan beliau menyerahkan tugas ini kepada jenerasi selepasnya.¹⁶

Imam al-Tabari -antara ciri keistimewaannya- ialah menghimpun dan mengumpul seberapa banyak riwayat sebelum ianya pupus. Tugas menerangkan yang mana sahih, lemah dan mutu sesuatu al-Riwayat itu ialah urusan kedua.

Imam Ibn Kathir membuat ringkasan Tafsir al-Tabari -tidak semua, tetapi secara umumnya begitu- kemudian beliau membuat study terhadap Asanid yang tugas tadi ditinggalkan oleh Imam al-Tabari. Dari itu Tafsir Ibn Kathir

¹⁴ Lihat al-Tabari, *op.cit*

¹⁵ Sebagai contohnya ialah Tafsir al-Hasan al-Basri. Ia telah diusahakan oleh Dr. Muhammad Abd. al-Rahim. Lihat Tafsir al-Hasan al-Basri, *Jam' wa Tawthiq wa Dirasah Muhammad Abd.al-Rahim* (Dr), *Tafsir al-Hasan al-Basri*, (Kaherah: Dar al-Hadith, (t.t))

¹⁶ Husn al-Zan ini ada asasnya kerana Imam al-Tabari menyediakan kemudahan ke arah itu.

merupakan kemuncak yang paling atas dalam senarai Tafsir al-Qur'an bi al-Ahadith.

Apakah Rasulullah Menjelaskan Semua Maksud al-Qur'an?.

Timbul satu persoalan di bawah topik ini. Apakah Nabi saw menjelaskan melalui Ahadith-nya semua sekali maksud-maksud al-Quran?

Persoalan ini timbul ekoran daripada satu kenyataan yang datang dari Imam Ibn Taymiyah. Di katakan bahawa beliau pernah berkata :¹⁷

ان النبی ﷺ بین الاصحابه معانی القرآن کما بین لهم الفاظه

Ramai orang beranggapan, bahawa kenyataan Ibn Taymiyah ini menunjukkan bahawa Nabi saw telah mentafsirkan semua isi kandungan al-Quran -semua sekali kepada para sahabatnya. Apakah Ibn Taymiyah benar-benar bermaksud begitu?

Saya berpendapat kenyataan Imam Ibn Taymiyah tadi, tidaklah bermaksud begitu. Terdapat beberapa andaian yang boleh diberikan bagi menjelaskan persoalan ini.

Pertama sekali cuba lihat kepada ketelitian kenyataan beliau. Dia tidak berkata بین لهم معانی القرآن کما بین الفاظه sebaliknya dia berkata كـ معانی القرآن

Kedua ; tuduhan begitu terhadap beliau agak tidak teliti, kerana para sahabat sendiri mempunyai perbezaan pendapat dalam tafsir al-Quran. Kalau Nabi sudah mentafsirkan semua sekali, mana mungkin mereka khilaf lagi dalam mentafsirkan al-Quran itu.

Ketiga; Ibn Taymiyah cuba menjelaskan menerusi pendapatnya itu, bahawa Nabi saw menjelaskan kepada para sahabatnya makna-makna ayat al-Quran yang tidak mungkin - sama sekali - difahami kecuali melalui tafsiran Nabi saw. Adapun makna-makna yang mungkin boleh difahami menerusi jalan istinbat dan Bahasa Arab, maka Nabi saw tak perlu lagi menjelaskannya. Kalau Nabi mengambil sikap menjelaskannya juga, maka berbangkitlah Tahsil al-Hasil.

Kalau perkara itu boleh didapati menerusi jalan istinbat, maka istinbat lebih awla dari cara al-talqin (suap). Ini kerana ia lebih memberi tarbiyah kepada akal dan mentarbiyah kefahaman manusia terhadap al-Quran. Dan memang itupun maksud penurunan al-Quran al-Karim.

¹⁷ Ibn Taymiyah, *op.cit*, hlm 35.

Bentuk-Bentuk al-Hadith Bersifat Mentafsirkan al-Qur'an.

Bentuk-bentuk al-Hadith yang mentafsirkan al-Quran dapat disebutkan seperti berikut:-

1. Terdapat sejumlah al-Ahadith yang mentafsirkan sebahagian dari al-Quran.
2. Terdapat sejumlah al-Ahadith yang mensyarahkan sesetengah persoalan yang menjadi kesusyikan para Sahabat ra. dalam memahami al-Quran.
3. Terdapat sejumlah al-Ahadith yang menerangkan al-Mujmal (makna umum) dari al-Quran dan yang mengikat beberapa persoalan tafsir al-Quran. Contohnya dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan persoalan Aqidah dan Ibadat yang tak mungkin diketahui menerusi jalan al-ra'y dan al-ijtihad.

Dari itu setiap kali anda bertemu dengan sejumlah al-Hadith tentang solat, puasa, zakat, haji dan lain-lain dari persoalan ubudiyah, sekalipun tidak termasuk secara langsung dalam kategori tafsir al-Quran tetapi ia boleh dimengertikan sebagai mentafsirkan mujmal al-Quran. Tanpa syak, hadith-hadith bentuk ini amat banyak sekali.

Dalil bagi keterangan di atas ialah firman Allah :

وَأَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْذِكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نَزَّلْنَا إِلَيْهِمْ ...


"dan telah Kami turunkan kepadamu al-Zikr agar kamu jelaskan kepada manusia tentang apa yang diturunkan ke atas mereka."

(Al-Nahl:44)

Ertinya supaya engkau memperjelaskan terhadap perkara-perkara yang tak mungkin mereka memahaminya kecuali menerusi tafsir dan penerangan darimu. Ayat ini seolah-olah memberi bayangan maksud bahawa terdapat sesetengah ayat al-Quran yang terhenti kefahamannya dan tidak diketahui maknanya oleh kefahaman biasa manusia terhadapnya. Waktu itu ia berhajat kepada penjelasan dari RasulNya saw.

Penutup.

Saya ingin simpulkan di sini beberapa noktah penting yang berkaitan dengan tajuk yang dibentangkan.

1. Saya melihat kemungkinan mentafsir al-Qur'an bi al-Qur'an tetap terbuka hingga akhir zaman. Ia bertepatan dengan matlamat penghayatan al-Qur'an. Tetapi saya menafikan ruang yang terbuka luas tadi memungkinkan

dilonggarkan pula pra syarat yang bersifat asas kepada pintu masuk Tafsir al-Qur'an.

2. Tafsir al-Qur'an bi al-Qur'an tidak semestinya dilihat dari angle al-Marwi.Kecenderungan menjadikan itu sebagai paksi intilaq memungkinkan menjadikannya berada pada posisi yang sama dengan Tafsir al-Qur'an bi al-Ahadith.
3. Tafsir al-Qur'an bi al-Ahadith melalui beberapa marhalah dan setiap marhalah itu memaparkan kesungguhan 'Alim Ulama' terdahulu dalam memberi khidmat mereka kepada al-Qur'an.
4. Nabi saw diutus untuk memperjelaskan maksud-maksud al-Qur'an yang sukar difahami.Mana-mana ayat yang boleh difahami oleh para Sahabat ra, maka Nabi tidak menjelaskannya kecuali disusuli oleh pertanyaan atau permintaan.